



Kartunis Zunar menggambarkan penggunaan undang-undang jenayah bagi menyekat suara penentang di Malaysia.

© 2015 Zunar

## **MEWUJUDKAN BUDAYA KETAKUTAN**

**Penjenayahan Hak Bersuara Secara Aman di Malaysia**

## RINGKASAN

*Mereka sedang mewujudkan budaya ketakutan. Sekiranya kamu melibatkan diri dalam mana-mana perbincangan mengenai kepentingan awam, polis akan datang ke rumah kamu, kamu mungkin ditangkap, dibawa ke balai polis, direman. Ahli-ahli Parliamen pun diperlakukan sedemikian.*

—Yap Swee Seng, mantan pengarah eksekutif Suara Rakyat Malaysia (Suaram),  
Kuala Lumpur, 14 April 2015

Kebebasan bersuara dan berhimpun di Malaysia kini terancam, dibantu oleh kewujudan undang-undang yang sengaja dibahasakan dengan luas dan samar-samar dan dipergunakan oleh pihak kerajaan untuk menangkap, menyoalsiasat, dan memenjarakan pengkritik-pengkritiknya. Penggunaan undang-undang secara berleluasa untuk menjenayahkan hak bersuara secara aman sejak kebelakangan ini adalah suatu langkah mundur bagi sebuah negara yang sebelum ini seolah-olahnya melangkah maju dalam perlindungan hak-hak asasi. Laporan ini memeriksa bagaimana kerajaan Malaysia menggunakan dan menyalahgunakan undang-undang tersebut, dan bagaimana undang-undang itu sendiri tidak mencapai piawaian antarabangsa.

Semasa penggal pertama Perdana Menteri Najib Razak (sepanjang tahun-tahun 2009 hingga 2013), kerajaan Malaysia telah memansuhkan beberapa akta, termasuk Akta Keselamatan Dalam Negara (AKDN) yang zalim, yang sering digunakan untuk menyekat hak-hak sivil dan politik, termasuk hak bersuara. Sepanjang kempen pilihanraya 2013, Najib telah berjanji untuk turut memansuhkan Akta Hasutan. Sebagaimana aktivis lama Hishamuddin Rais memaklumkan Human Rights Watch:

*Apabila ISA dimansuhkan, wujudnya rasa kebebasan. Saya fikirkan Malaysia bergerak ke arah yang benar. Apabila Najib menjanjikan pemansuhan Akta Hasutan, saya pikir: “Kita sudah tiba. Kita di jalan yang benar.”*

Sikap optimistik itu kini lenyap. Apabila berhadapan dengan populariti yang menjunam serta ketidakpuashatian orang ramai yang kian memuncak atas pelbagai isu, perdana menteri telah membalas dengan mengambil tindakan keras terhadap pengkritik dan dengan menyokong undang-undang baru, seperti Akta Pencegahan Keganasan (APK), yang meniru kebanyakan kelemahan yang wujud dalam undang-undang yang telah dimansuhkan itu. Pada November 2014, Najib mengingkari janjinya untuk memansuhkan Akta Hasutan dan telah mengisytiharkan bahawa undang-undang itu sebaliknya boleh “diperkuatkan dan dijadikan lebih berkesan,” dengan “kewujudan klausa khas untuk melindungi kesucian Islam, manakala lain-lain agama turut tidak boleh dihina.” Pada April 2015, kerajaan telah mendesak-luluskan pindaan yang memperuntukkan hukuman yang lebih berat serta sekatan tambahan terhadap kebebasan bersuara, terutamanya di media sosial.

Tahap penindasan telah meningkat di sekitar lewat 2014 dan awal 2015 apabila kerajaan menghadapi kritikan dari orang awam terhadap cara mantan ketua pembangkang Anwar Ibrahim diperlakukan serta pengenaan cukai barangan dan perkhidmatan yang baru. Skandal rasuah yang semakin berlingkar-lingkar melibatkan syarikat koprut milik kerajaan 1 Malaysia Development Berhad (1MDB), yang mana lembaga penasihatnya dipengerusikan Perdana Menteri Najib, telah menyebabkan kerajaan menyekat beberapa laman web serta menggantung surat khabar yang melaporkan skandal tersebut, malah mereka mengumumkan rancangan untuk memperkuatkan kuasa untuk mengambil tindakan keras terhadap kebebasan bersuara di Internet.

Walaupun pada asalnya fokus tindakan keras adalah terhadap ahli-ahli politik pembangkang, setelah kritikan awam terhadap kerajaan menjadi semakin lantang, pelajar-pelajar, wartawan-

wartawan, aktivis masyarakat sivil, dan orang awam turut menjadi mangsa gelombang penindasan ini.

Aktivis pelajar Adam Adli bin Abdul Halim, contohnya, telah ditahan sebanyak enam kali kerana mengambil bahagian dalam protes-protes aman terhadap kerajaan dan mengajak orang lain turut menyertainya. Pada September 2014, beliau telah disabitkan atas kesalahan hasutan bagi suatu ucapan yang dibuatnya dalam membantah pilihanraya am 2013 dan telah dihukum satu tahun penjara. Pada ketika ini, beliau bebas atas ikat jamin sementara menunggu rayuan, dan kini menghadapi pertuduhan baru kerana melibatkan diri dalam “protes jalanan haram” pada bulan Februari serta menghadapi siasatan bagi pertuduhan “aktiviti menjejaskan demokrasi berparlimen” atas peranan yang beliau mainkan dalam penganjuran satu protes baru-baru ini. Beliau telah digantung dan seurus itu dibuang dari kursus latihan pengajar beliau di Kolej Latihan Guru Sultan Idris disebabkan aktivismynya itu. Beliau kini mengikuti pengajian bidang undang-undang di sebuah institusi swasta.

Apabila disoal mengapa beliau terus bersuara walaupun berhadapan risiko sedemikian, Adli membalas:

*Ia merupakan suatu tanggungjawab bagi kita bersuara apabila kerajaan menggugat kedaulatan undang-undang untuk memastikan mereka terus berkuasa.... Bukan hasil atau apa yang boleh dicapai dalam jangkamasa pendek yang penting. Protes adalah perlu untuk membuka ruang demokrasi... Kebebasan bersuara di Malaysia kini diancam oleh pihak kerajaan. Jelas sekali pihak berkuasa tidak berpihak kepada hak-hak kebebasan bersuara.*

Chua Tian Chang, naib-presiden parti pembangkang Malaysia, Parti Keadilan Rakyat (PKR), juga menjadi mangsa kerana lantang bersuara mengenai isu-isu politik. Beliau dikenakan pertuduhan hasutan dalam satu kes dan sedang disiasat untuk pertuduhan hasutan untuk kes satu lagi, sementara pihak kerajaan sedang merayu terhadap pembebasan beliau dari pertuduhan hasutan dalam kes ketiga. Pada 12 Ogos 2014, pertuduhan baru telah dibawa terhadapnya di bawah seksyen 509 kanun keseksaan kerana didakwa melakukan penderaan lisan terhadap pegawai-pegawai polis yang berlaku beberapa bulan sebelum itu apabila mereka merampas telefon bimbit serta iPad beliau untuk menyiasat salah satu dari kenyataannya di media sosial. Sebelum itu beliau telah dibebaskan dari pertuduhan menyertai protes haram, tetapi kini di bawah siasatan untuk penyertaannya dalam beberapa “perhimpunan haram” dan kerana memakai kemeja-T kuning yang telah diharamkan yang mempunyai lambang Gabungan Pilihanraya Bersih dan Adil (Bersih), sebuah kumpulan yang berkempen untuk penambahbaikan pilihanraya sejak 2012. Menurut Chua, tindakan kerajaan adalah bermotivasikan politik:

*Bagi pihak berkuasa, apa sahaja yang saya cakap merupakan masalah... Kalau kamu pegi ke protes aman, mereka tangkap kamu kerana berkumpul . Kalau kamu mengkritik kerajaan, mereka buru kamu kerana hasutan .*

#### Penggunaan Undang-Undang Yang Terlampau Ketat sebagai Alat Penindasan

Semenjak berakhirnya penjajahan pada tahun 1957, Malaysia telah diperintah oleh suatu gabungan yang didominasi parti United Malays National Organization (UMNO). Gabungan terkini, Barisan Nasional (BN), telah berkuasa semenjak tahun 1974. Sepanjang tempoh 40 tahun berkuasa, BN telah menggunakan pelbagai undang-undang yang sengaja dibahaskan dengan luas dan samar-samar untuk mengganggu dan mendiamkan pengkritik serta pembangkang politiknya. Beberapa undang-undang tersebut telah wujud semenjak Malaysia memperolehi kemerdekaannya

dari United Kingdom pada tahun 1957, sementara banyak undang-undang lain telahpun diwujudkan atau dipinda baru-baru ini.

Najib ketika menyandang jawatan pada April 2009 telah memberi ikrar untuk “menegakkan kebebasan sivil ” serta untuk “menghormati hak-hak asasi rakyat,” tetapi penggunaan undang-undang jenayah yang dibahasakan dengan terlalu luas untuk mendiamkan pengkritik dan aktivis masyarakat sivil telah meningkat dengan dramatik semenjak pilihanraya tahun 2013, di mana BN masih memenangi majoriti parlimen tetapi gagal mendapat undi popular. Di saat-saat menjelang pilihanraya, lebih dari 200 orang telah ditahan dan disoalsiasat oleh pihak polis hanya kerana melontarkan kritikan terhadap pihak berkuasa atau badan kehakiman ataupun melaksanakan hak mereka untuk berhimpun secara aman.

Senjata yang paling kerap digunakan dalam tindakan keras ini, seperti yang ditunjukkan dalam kes Adli dan Chua, adalah peruntukkan yang paling terkenal di Malaysia: Akta Hasutan, yang telah diacukan terhadap ahli-ahli politik pembangkang, aktivis masyarakat sivil, wartawan, ahli akademik, dan rakyat biasa yang menggunakan media sosial.

Dalam usahanya mendiamkan pengkritik, pihak kerajaan turut menggunakan peruntukkan kanun keseksaan yang juga dibahasakan dengan luas, termasuk seksyen-seksyen 504 dan 505(b), yang mengharamkan ucapan yang mengarah kepada pelanggaran “keamanan awam,” dan seksyen 499, yang mengharamkan ucapan yang merosakkan nama baik seseorang , samada hidup atau sudah mati.

Akta Mesin Cetak dan Penerbitan telah digunakan untuk menyekat beberapa akhbar cetak, menggantung penerbitan suratkhbar yang melaporkan perlakuan rasuah, mencegah mesin cetak dari mencetak buku-buku yang mengkritik kerajaan, dan turut mengisytiharkan pengharaman logo

Bersih. Akta Komunikasi dan Multimedia (AKM) telah digunakan untuk menghalang laman-laman web yang melaporkan rasuah, menghukum stesen radio yang menyiarkan perbincangan atas perkara-perkara hal-ehwal kepentingan awam, dan menahan serta menghukum pengguna-pengguna media sosial.

Mereka yang melibatkan diri dalam protes aman telah didakwa di bawah Akta Perhimpunan Aman dan seksyen 143 Kanun Keseksaan, yang menjenayahkan perhimpunan “haram”, sementara mereka yang mengatur atau mengajak orang menghadiri perhimpunan aman telah didakwa atau disoalsiasat atas tuduhan hasutan. Pada tahun 2015, apabila berhadapan dengan fokus awam yang semakin meningkat terhadap pertuduhan rasuah melibatkan 1MDB, kerajaan telah mengancam mereka yang bersuara lantang terhadap rasuah dengan pertuduhan “aktiviti-aktiviti yang menjejaskan demokrasi berparlimen” di bawah seksyen-seksyen 124(b) dan 124(c) kanun keseksaan. Pihak kerajaan nampaknya tidak sedar betapa ironinya kegunaan undang-undang yang diwujudkan bagi melindungi demokrasi untuk tujuan menyekat percakapan kritis.

Paling membimbangkan adalah undang-undang yang mengenakan hukuman jenayah kerana ini memberi kesan yang menggerunkan terhadap kebebasan bersuara. Seperti mana yang dinyatakan oleh rapporteur khas UN bagi promosi dan perlindungan hak-hak kebebasan berpendapat dan bersuara, dengan kewujudan undang-undang tersebut:

*Individu-individu menghadapi ancaman yang berterusan bagi risiko ditangkap, ditahan dalam tahanan pra-bicara, dikenakan perbicaraan jenayah, denda dan pemenjaraan yang memakan belanja yang banyak, serta stigma sosial kerana mempunyai suatu rekod jenayah.*

Ramai di antara individu-individu yang ditemubual Human Rights Watch telah merujuk kepada kewujudan suatu “budaya” atau “suasana” ketakutan di Malaysia. Ketakutan membawa kepada penapisan diri, dan penapisan diri membawa kepada tekanan dalam perdebatan politik yang merupakan teras suatu masyarakat demokratik.

#### Menyasarkan Pembangkang Politik

Ahli-ahli politik dari pihak pembangkang sudah lama menjadi sasaran undang-undang yang lebih menindas di Malaysia, dan trend ini telah berterusan dalam tindakan keras yang diambil oleh pihak kerajaan baru-baru ini. Sekurang-kurangnya lima ahli parlimen pembangkang telah dikenakan pertuduhan di bawah Akta Hasutan untuk mengkritik pihak kerajaan, pegawai kerajaan, atau badan kehakiman semenjak pilihanraya, dan sekurang-kurangnya tiga orang lagi telah dikenakan pertuduhan di bawah undang-undang jenayah lain. Sekiranya disabitkan dan dijatuhkan hukuman melebihi satu tahun penjara atau dikenakan denda melebihi RM2,000 (kira-kira US\$484), mereka terus tidak layak untuk berkhidmat di Parlimen untuk tempoh lima tahun selepas dilepaskan dari penjara. Ahli-ahli politik pembangkang yang berkhidmat di dewan undangan negeri dan mereka yang memegang peranan utama dalam parti-parti politik pembangkang turut menjadi sasaran dalam tindakan keras tersebut.

Tokoh-tokoh pembangkang terkenal dikenakan pertuduhan hasutan di bawah pentadbiran Najib seawal tahun 2009, apabila peguam terkenal dan Ahli Parlimen Karpal Singh telah dikenakan pertuduhan tersebut. Setelah reda seketika, di mana ramai menaruh harapan perundangan tersebut akan dimansuhkan, pihak kerajaan kembali menggunakan Akta Hasutan secara agresif sejurus selepas pilihanraya 2013, apabila Ahli Parlimen Tian Chua (PKR) dan Tamrin Ghafar (Parti Islam Se-Malaysia (PAS)) telah dikenakan pertuduhan hasutan ke atas ucapan-ucapan yang dibuat mereka semasa suatu perhimpunan awam yang membantah keputusan pilihanraya itu. Pada Mei 2014, Timbalan Presiden Parti Tindakan Demokratik (DAP) Teresa Kok telah dikenakan pertuduhan



atas videonya yang bercorak satira sempena Tahun Baru Cina bertajuk “Onederful Malaysia CNY 2014,” yang memaparkan Kok sebagai seorang pengacara rancangan perbualan di mana tetamu-tetamunya melakukan satira atas pelbagai isu-isu politik terdiri daripada rasuah ke kadar jenayah di Malaysia. Tindakan keras diperhebatkan pada Ogos 2014, dengan pertuduhan lima ahli politik pembangkang dengan pelbagai kesalahan jenayah dalam bulan yang sama:

- Naib Presiden PKR dan peguam N. Surendran telah dikenakan dengan pertuduhan hasutan sebanyak dua kali, dan dalam dua-dua kes untuk kenyataan yang dibuat beliau berkenaan kes liwat terhadap anakkuamnya Anwar Ibrahim;
- Mantan Gabenor Negeri Perak Mohammad Nizar Jamaluddin, dari Parti Islam Se-Malaysia (PAS) pembangkang, telah dikenakan pertuduhan jenayah fitnah pada 25 Ogos untuk ucapan yang dibuat beliau mengenai Perdana Menteri Najib semasa kempen pilihanraya pada April 2012;
- Khalid Samad, seorang ahli parlimen PAS, telah dikenakan pertuduhan hasutan pada 26 Ogos untuk ucapan beliau mengenai Majlis Agama Islam Negeri Selangor, suatu badan kerajaan yang menasihatkan Sultan Selangor;
- Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Pinang R.S.N. Rayer (DAP) telah dikenakan pertuduhan hasutan 27 Ogos kerana menyebut “*celaka-celaka UMNO*” kepada beberapa ADUN UMNO semasa sesi persidangan pada Mei 2014; dan
- Pada 28 Ogos, Setiausaha Agung PKR Rafizi Ramli telah dikenakan dengan pertuduhan melanggar seksyen 504 kanun keseksaan untuk kesalahan “dengan sengaja menghina dengan niat memecah keamanan,” bagi suatu kenyataan beliau yang menuduh kumpulan sayap kanan yang mengadakan protes-protes di hadapan gereja-gereja di Selangor yang dirancang dan disokong oleh UMNO.

Pihak polis turut menyiasat, dan dalam banyak kes, menangkap dan menahan dalam tahanan untuk beberapa hari, sekurang-kurangnya 20 ahli politik pembangkang pada Ogos 2014, beberapa kali bagi sebahagian daripada mereka.

#### Menyasarkan Masyarakat Sivil

Aktivis dan kumpulan masyarakat sivil yang mengkritik kerajaan turut menjadi sasaran tekanan yang semakin meningkat. Aktivis pelajar Adam Adli bin Abdul Halim dan Safwan Anang serta aktivis masyarakat sivil yang lama Hishamuddin Rais semuanya telah dikenakan pertuduhan hasutan selepas bercakap di suatu mesyuarat awam pada 13 Mei 2013, di mana Tian Chua dan Tamrin Ghafar telah turut berucap. Semenjak itu, ketiga-tiga mereka telah disabitkan dan kini dibebaskan atas jaminan sementara menunggu rayuan, dan semua dikenakan dengan tangkapan dan siasatan lanjut atas penglibatan mereka dalam protes-protes terhadap rasuah dan penyertaan dalam perhimpunan-perhimpunan berikutan pensabitan Anwar Ibrahim dengan jenayah liwat pada Februari 2015.

Keputusan Mahkamah Persekutuan Malaysia pada 10 Februari 2015 untuk menegakkan pensabitan dan hukuman liwat Anwar Ibrahim telah mencetuskan kritikan awam, yang diikuti tindakan keras bersepadu ke atas mereka yang bersuara. Kartunis politik Malaysia Zulkifli Anwar Ulhaque, lebih dikenali sebagai Zunar, telah dikenakan dengan sembilan pertuduhan hasutan pada 3 April 2015 —satu pertuduhan bagi setiap sembilan tweet yang dihantar olehnya pada 10 Februari bagi mengkritik keputusan tersebut. Sekiranya disabit semua kesalahan, beliau menghadapi penjara selama tempoh 43 tahun.

Ulasan-ulasan mengenai cara pengendalian isu-isu agama oleh pihak kerajaan turut menyebabkan penangkapan dan pertuduhan hasutan. Dalam satu contoh yang ketara, Eric Paulsen, pengarah eksekutif Lawyers for Liberty, telah dikenakan dengan pertuduhan hasutan pada 5 Februari 2015,

untuk suatu tweet yang mengkritik Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), sebuah agensi kerajaan yang mengeluarkan khutbah yang didakwa menggalakkan sifat melampau. Paulsen dikenakan kempen media yang penuh kegilaan termasuk ancaman bunuh, dan telah dituduh menghina Islam. Sebagaimana Paulsen sendiri menyatakan dalam suatu tweet membidas kempen kebencian itu: “Pernyataan saya merujuk kepada JAKIM sebagai agensi kerajaan. Kritikan terhadap JAKIM tidak patut ditafsirkan sebagai penghinaan terhadap Islam.”

Paulsen telah ditangkap atas pertuduhan hasutan untuk kali kedua pada 22 Mac 2015, berhubung suatu tweet yang mengkritik usaha oleh kerajaan negeri Kelantan untuk memperkenalkan hukuman berdasarkan prinsip Syariah.

Beberapa aktivis masyarakat sivil yang lain telah disoalsiasat, ditangkap dan diganggu kerana melaksanakan hak mereka untuk bebas bersuara atau bebas berhimpun.

#### Menyasarkan Media

Pihak media massa tidak lali dari tindakan keras dalam membuat ulasan politik secara aman. Pihak berkuasa telah menafikan lesen yang diperuntukkan di bawah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan (AMCP) kepada saluran berita yang dianggap suka mengkritik kerajaan, dan ejen-ejen kerajaan telah mengancam untuk menarik balik lesen pencetakan dari pencetak yang menerbitkan buku-buku dan lain-lain bahan yang tidak disukai mereka. AMCP turut digunakan untuk menggantung penerbitan dua akhbar untuk tempoh tiga bulan kerana melaporkan mengenai tuduhan rasuah melibatkan perdana menteri dan 1MDB.

Menurut Ketua Pengarang dan Pengasas Bersama portal berita online *Malaysiakini*, Steven Gan, *Malaysiakini* sering perlu berhadapan dengan tindakan undang-undang di samping lain-lain jenis gangguan.

*Pada satu ketika kami menerbitkan sepucuk surat yang mengkritik UMNO. Pihak polis datang dan bertanya siapa penulis surat itu, yang ditulis menggunakan sebuah nama pena. Kami melindungi identiti penulis bagi menggalakkan kebebasan berpendapat. Kami enggan memberi butir-butirnya. Lantas polis merampas komputer-komputer kami... Biasanya polis datang ke sini sekurang-kurangnya sekali sebulan, sehinggakan sudah jadi rutin. Ada sahaja orang memfailkan aduan lalu mereka pun menuntut untuk mengambil kenyataan.*

Kerajaan telah memulakan pernyiasatan bagi kesalahan hasutan dalam sekurang-kurangnya dua kes melibatkan wartawan yang sekadar melaporkan berita. Pada Mac 2015, tiga editor, ketua eksekutif, dan penerbit *The Malaysian Insider (TMI)*, sebuah portal berita online, telah ditangkap untuk kesalahan hasutan dan pelanggaran di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia. “Kesalahan” mereka adalah melaporkan bahawa Majlis Raja-Raja Malaysia telah menolak cadangan untuk meminda undang-undang persekutuan untuk membolehkan pelaksanaan hukuman berdasarkan prinsip Syariah di negeri Kelantan – suatu laporan yang dinafikan Majlis Raja-Raja.

#### Menyasarkan Pengguna Media Sosial

Tindakan keras kerajaan atas kebebasan bersuara di Malaysia menjejaskan bukan sahaja ahli politik atau aktivis, tetapi juga rakyat biasa, terutamanya mereka yang menggunakan media sosial. Sebagaimana yang diperhatikan oleh seorang penyelaras projek Suara Rakyat Malaysia (Suaram), sebuah organisasi hak asasi Malaysia yang amat dihormati, yang telah mendokumentasikan penggunaan Akta Hasutan yang meningkat:

*Mereka memulakan tahun lepas dengan ahli politik, kemudiannya memperluaskannya kepada pensyarah-pensyarah dan aktivis-aktivis. Lama*

*kelamaan, orang mula sedar bahawa ia menjejaskan bukan sahaja orang politik tetapi juga rakyat biasa.*

Menurut dokumentasi Suaram, beberapa rakyat biasa telah dikenakan pertuduhan hasutan pada tahun 2014 untuk paparan-paparan di laman Facebook atau lain-lain media sosial, manakala ramai yang lain disoalsiasat dan ditangkap. J. Gopinath, seorang penolong jurutera berumur 28-tahun, telah dikenakan pertuduhan hasutan pada 19 Jun 2014, berdasarkan sebuah paparan pada tahun 2012 yang dianggap menghina Islam. Walaupun beliau telah ditangkap sejurus selepas paparan tersebut, beliau tidak didakwa sehingga selepas bermulanya tindakan keras pasca-pilihanraya. Walaupun paparan beliau merupakan paparan balas terhadap suatu paparan lain yang menghina kepercayaan Hindunya, individu yang berkongsi video terhadap mana beliau membalas itu tidak pernah didakwa. Beliau telah disabit kesalahan dan dikenakan denda RM5,000 (US\$1,209).

Pindaan-pindaan Akta Hasutan pada tahun 2015 nampak direka secara spesifik untuk memberi kerajaan lebih kuasa kawalan ke atas media sosial dan Internet. Pindaan-pindaan tersebut menjadikan perbuatan “menyebarkan” atau “menyebabkan penyiaran” bahan bersifat hasutan sebagai suatu kesalahan, dan ia membolehkan pihak kerajaan memerintahkan penghapusan bahan yang kononnya bersifat hasutan dan untuk menghalang orang yang membuat paparan tersebut daripada mempunyai akses kepada “sebarang alat elektronik.”

#### Sekatan Ke Atas Kebebasan Berhimpun

Apabila berhadapan dengan bangkangan awam yang semakin meningkat, kerajaan Malaysia turut mengambil tindakan keras terhadap individu-individu yang terlibat dalam protes-protes. Pihak kerajaan pada mulanya melakukannya dengan cara menggunakan peruntukkan seksyen 9(5) Akta Perhimpunan Aman (APA), yang menjadikannya suatu kesalahan jenayah sekiranya mengadakan perhimpunan awam tanpa memberi notis awal 10 hari kepada pihak kerajaan. Walaupun

peruntukan ini telah diputuskan oleh Mahkamah Rayuan Malaysia pada 25 April 2015 sebagai sesuatu yang tidak berperlembagaan, selewat April 2015 pihak kerajaan masih menggunakan 9(5) apabila menangkap peserta-peserta protes, malah mereka turut menggunakannya berpasangan dengan kesalahan “perhimpunan haram” di bawah seksyen 143 kanun keseksaan.

Beberapa siri protes-protes aman telah diadakan selaras dengan pensabitan Mahkamah Persekutuan terhadap Anwar Ibrahim (perhimpunan “KitaLawan”) yang berakhir dengan penangkapan beberapa ahli-ahli politik pembangkang dan aktivis-aktivis, yang mana ramai di antara mereka telah ditangkap pada waktu malam dan ditinggalkan dalam tahanan untuk beberapa hari. Sebagaimana yang ditegaskan Rafizi Ramli, salah seorang ahli politik pembangkang yang menghadapi tangkapan dan penahanan iniberulang kali : *“Pihak polis semakin kerap menggunakan pilihan ini untuk menakut-nakutkan, mengganggu, dan untuk cuba menghalang orang dari menyertai majlis-majlis penting.”*

Suatu demonstrasi pada 23 Mac, 2015, di Pejabat Kastam Kuala Lumpur yang bertujuan membangkitkan persoalan mengenai pengenaan cukai barang dan perkhidmatan yang baru telah menyebabkan seramai 79 orang ditangkap, termasuk di antara mereka, Setiausaha Agung PSM pada masa itu, S. Arutchelvan. Pada 23 April 2015, 50 antara aktivis-aktivis dan ahli-ahli politik tersebut telah dikenakan pertuduhan di bawah seksyen 447 kanun keseksaan dan seksyen 21(d)(1) Akta Perhimpunan Aman untuk mencerooboh dan tidak mematuhi perintah bersurai. Suatu perhimpunan yang sebahagian besarnya bersifat aman, berkenaan cukai barang dan perkhidmatan, telah diadakan pada 1 Mei 2015, yang menyebabkan gelombang tangkapan baru, termasuk peguam terkenal Ambiga Sreenevasen, yang telah ditahan untuk pertuduhan hasutan dan perhimpunan haram dan ditahan reman untuk empat hari.

Kemarahan rakyat terhadap laporan yang telah mengaitkan Perdana Menteri Najib dalam skandal 1MDB beserta jawapan yang diberikan oleh pihak kerajaan telah menjurus kepada protes pada 1 Ogos yang dianjurkan oleh aktivis pelajar menuntut perletakan jawatan oleh Najib. Suatu protes yang lebih besar, sepanjang tempoh 34-jam, telah dianjurkan oleh Bersih dan diadakan pada 29 dan 30 Ogos, dan ia turut menuntut perletakan jawatan Najib atau suatu undi tidak percaya terhadapnya, serta untuk pelbagai penambahbaikan institusi-institusi bagi menangani isu rasuah. Walaupun kedua-dua protes tersebut bersifat aman, pihak penganjur telah dituduh melakukan “aktiviti-aktiviti yang menjejaskan demokrasi berparlimen” dan telah ditangkap atau disaman untuk disoalsiasat, bersama-sama beberapa orang peserta. Setakat ini, tiada pertuduhan berhubung protes-protes ini telah difailkan.

#### Taktik Kasar Pihak Polis dan Pendakwaan Terpilih

Dalam keadaan yang merisaukan, penggunaan undang-undang yang luas untuk mengambil tindakan keras terhadap perbezaan pendapat telah digandakan dengan penggunaan taktik kasar yang direka untuk mengganggu dan menakut-nakutkan mereka yang mengkritik kerajaan. Pengkritik kerajaan tidak diajak untuk ke balai polis untuk membuat kenyataan ; sebaliknya pihak polis menangkap mereka, seringkali pada waktu malam, dan kadang kala disertakan penggunaan ancaman serta kekerasan yang keterlaluan. Sebagai contoh, selepas perhimpunan KitaLawan pada 28 Mac 2015, enam kereta dipenuhi anggota polis tiba di rumah Ahli Parlimen PAS Khalid Samad pada pukul 3:20 pagi yang berikutnya untuk menangkap beliau bagi pertuduhan hasutan dan perhimpunan haram. Ramai di antara ahli pasukan tersebut membawa senapang M16. Beliau telah dibebaskan dari tahanan pada pukul 9:30 malam. Sehingga kini, beliau belum dikenakan pertuduhan untuk sebarang kesalahan.

Dalam kes tertentu, pihak polis seolah-olah menggunakan tangkapan dan reman sebagai suatu cara penahanan pencegahan. Dalam hari-hari menjelang perhimpunan KitaLawan, pihak polis telah

menangkap sekurang-kurangnya empat aktivis dan ahli-ahli politik pembangkang yang terlibat dalam perhimpunan tersebut. Kedua-dua Rafizi Ramli dan Hishamuddin Rais telah ditangkap pada 27 Mac dan ditahan sehingga selepas selesainya perhimpunan 28 Mac. Rais telah ditangkap oleh sekumpulan lelaki berpakaian biasa apabila beliau turun dari teksi pada malam 27 Mac: *“Sebaik sahaja saya tunduk ke depan untuk membayar teksi, mereka menangkap saya. Seorang daripada mereka merangkul leher saya dengan tangannya lantas menarik sambil mencekik leher saya. Mereka tidak memakai uniform mahupun memperkenalkan diri mereka.”*

Setelah dipandu mengelilingi Kuala Lumpur untuk seketika, beliau akhirnya dibawa ke balai polis Dang Wangi dan ditahan semalaman. Pada hari berikutnya, pihak polis cuma memohon untuk menahannya untuk tempoh empat hari bagi menyiapkan siasatan mereka untuk kesalahan di bawah seksyen 9(5) Akta Perhimpunan Aman dan seksyen 143 kanun keseksaan. Beliau akhirnya dibebaskan pada penghujung tahanan remannya. . Walaupun beliau belum dikenakan pertuduhan pada waktu temubualnya, beliau tetap menyebut: *“bila-bila masa sahaja mereka boleh mencetuskan bom ini.”*

Untuk tokoh-tokoh pembangkang dan para aktivis, atau mereka-mereka yang dianggap begitu, pihak polis sering memohon tempoh reman maksima empat hari walaupun tiada justifikasi jelas untuk permohonan sedemikian. Hishamuddin Rais berkata bahawa apabila beliau disoal pada hari terakhir dalam tahanan remannya iaitu pada hari keempat, beliau nampak seolah-olah tiada sebarang siasatan dilakukan selama tiga hari sebelumnya, *“mereka bertanya amat sedikit: cuma perkara asas seperti nama, umur, dan pekerjaan.”*

Kes-kes melibatkan individu yang dianggap bersimpati dengan barisan pemerintah diurus dengan cara berbeza pula, sekiranya pun mereka diburu . Apabila Mashitah Ibrahim, seorang bekas timbalan menteri dalam barisan pemerintah, membuat tuduhan palsu bahawa orang bangsa Cina



di Malaysia “membakar Quran,” beliau tidak ditangkap atau direman, tetapi hanya dijemput datang memberi kenyataan . Perlakuan tidak konsisten oleh pihak polis terhadap mereka yang dianggap pro-pembangkang atau pro-kerajaan telah menimbulkan kerisauan seolah-olah terdapatnya sikap berat sebelah dalam pengendalian kes jenayah.

## SYOR-SYOR

Kepada Kerajaan Malaysia:

Pinda undang-undang jenayah Malaysia untuk menyelaraskannya dengan piawaian antarabangsa terhadap kebebasan bersuara dan kebebasan berhimpun sebagaimana diperuntukan dalam Deklarasi Sejagat Hak-Hak Asasi Manusia, sebagaimana dijelaskan dalam Konvensyen Antarabangsa mengenai Hak-Hak Sivil dan Politik.<sup>1</sup>

Kepada Perdana Menteri dan Kabinet Kerajaan Malaysia:

- Aturkan rancangan dan jadual yang jelas untuk melaksanakan pemansuhan atau pindaan undang-undang yang disebut di bawah, di mana bagi undang-undang yang perludipinda, berunding dengan SUHAKAM dan lain-lain kumpulan masyarakat sivil dengan telus dan umum.
- Syor-syor spesifik untuk pemansuhan atau pindaan undang-undang adalah seperti berikut:
  - Mansuhkan keseluruhan Akta Hasutan;
  - Mansuhkan seksyen 504 kanun keseksaan untuk menghapuskan hukuman jenayah untuk ucapan yang “menghina”;
  - Pinda seksyen 505(b) kanun keseksaan untuk menjadikan hanya ucapan yang diniatkan untuk mencetus keganasan atau gangguan awam yang serius sebagai suatu kesalahan, dan untuk mentakrifkan istilah-istilah di dalamnya secara jelas agar selaras dengan piawaian antarabangsa;
  - Pinda seksyen 505(c) kanun keseksaan untuk menghadkan penggunaan

---

<sup>1</sup> Dalam perihai ini, rujukan perlu dibuat kepada penduan-panduan yang disediakan oleh Jawatankuasa Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), bekas Rapporteur Khas PBB untuk menggalakan dan melindungi hak-hak kebebasan bersuara Frank La Rue, serta Rapporteur Khas PBB untuk hak-hak kebebasan berkumpul dan berpersatuan. Maina Kiai dan Tatacara Khas OHCHR PBB.

peruntukan tersebut kepada ucapan yang diniatkan dan kemungkinan besar mencetuskan keganasan, diskriminasi, atau permusuhan terhadap orang individu atau sekumpulan orang yang telah jelas didefinisikan dalam keadaan di mana keadaan di mana keganasan, diskriminasi, atau permusuhan pasti melanda dan langkah-langkah lain untuk mengelakkannya tidak tersedia ;

- Mansuhkan seksyen 499-502 kanun keseksaan untuk menyingkirkan kesalahan fitnah;
- Mansuhkan keseluruhan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan;
- Pinda Akta Komunikasi dan Multimedia dengan:
  - Memansuhkan seksyen 211(1) dan 233(1) atau memindahkannya secara ketara agar menghadkan penggunaannya terhadap kategori ucapan yang jelas mencetus risiko kepada keselamatan negara atau ketenteraman awam, dan di mana perbuatan menghadkan kebebasan berucap adalah berkadar secara langsung dengan risiko yang dicetuskan olehnya, memastikan istilah-istilah yang digunakan dalam perundangan tersebut jelas terperinci dan terhad keluasannya untuk memastikan budi bicara pegawai pelaksana adalah terikat kepada peruntukan undang-undang;
    - Ucapan kebencian (*hate speech*) patut terhad kepada keadaan di mana ia jelas membentuk pencetus yang langsung dan diniatkan untuk menyebabkan keganasan, diskriminasi atau kebencian terhadap seorang individu atau atau sekumpulan orang yang telah jelas didefinisikan dalam keadaan di mana keadaan di mana keganasan, diskriminasi, atau permusuhan pasti melanda dan langkah-langkah lain untuk mengelakkannya tidak tersedia ;
    - Ucapan yang sekadar menyakitkan hati atau menjengkelkan tidak patut dihadkan di bawah undang-undang.

- Hapuskan keperluan perlesenan bagi pembekal aplikasi online. Perlesenan pembekal perkhidmatan internet tidak perlu untuk mengagihkan frekuensi terhad memandangkan internet mampu memuatkan poin kemasukan (*points of entry*) yang tidak terhad dan juga bilangan pengguna yang tidak terhad, oleh itu perlesenan tidak perlu mahupun berkadaran dengan tindakan menghadkan kebebasan bersuara;
- Pinda seksyen 206(2) untuk menyatakan dengan khusus syarat-syarat yang boleh dikenakan terhadap lesen radio, dan untuk menghapuskan budi bicara Menteri untuk mengenakan apa-apa syarat yang tidak diperuntukan secara spesifik dalam peruntukkan tersebut;
- Pinda seksyen 242 untuk menghapuskan hukuman jenayah bagi kegagalan mematuhi syarat-syarat sesuatu lesen; dan
- Sebarang pindaan lanjut untuk “memperkuatkan” Akta Komunikasi dan Multimedia yang dicadangkan oleh pihak kerajaan perlulah konsisten dengan piawaian antarabangsa bagi kebebasan bersuara sepertimana yang dibincangkan dalam laporan ini, dan ia patut digubal dengan rundingan terperinci dengan pihak SUHAKAM serta masyarakat sivil.
- Mansuhkan seksyen 6 Akta Penapisan Filem untuk menghapuskan hukuman jenayah terhadap pertunjukkan filem-filem yang tidak dibenarkan;
- Pinda Akta Perhimpunan Aman dengan:
  - Mansuhkan seksyen 9(5);
  - Mahsuhkan tindakan menghadkan bantahan jalanan dalam seksyen-seksyen 4(1)(c) dan 4(2)(c);
  - Mansuhkan seksyen-seksyen 4(1)(a) dan 4(1)(e), yang menyisihkan kanak-kanak dan orang asing daripada mengambil bahagian dalam perhimpunan, dan seksyen-seksyen 4(2)(a) dan 4(2)(e), yang mengenakan hukuman

jenayah terhadap seorang yang bukan memegang kerakyatan yang mengatur atau menyertai suatu perhimpunan atau sesiapa yang membawa kanak-kanak ke suatu perhimpunan;

- Pinda seksyen 10 untuk menghadkan maklumat perhimpunan yang perlu diberikan terlebih awal agar memudahkan perhimpunan serta memastikan keselamatan orang awam, seperti tarikh, masa, lokasi dan bilangan peserta yang dijangkakan;
  - Pinda seksyen 9 untuk memendekkan tempoh pemberian notis awal dan untuk memperuntukkan pengecualian untuk keperluan notis bagi perhimpunan spontan di mana pemberian notis awal tidak dapat dipraktikkan; dan
  - Menyemak undang-undang untuk menjelaskan bahawa pihak polis tidak mempunyai kuasa untuk mengenakan syarat-syarat terhadap apa yang dinyatakan dalam perhimpunan melainkan menyekat ucapan yang secara langsung dan diniatkan untuk mencetus keganasan, diskriminasi dan kebencian terhadap seorang individu atau sekumpulan orang yang telah jelas didefinisikan dalam keadaan di mana keadaan di mana keganasan, diskriminasi, atau permusuhan pasti melanda dan langkah-langkah lain untuk mengelakkannya tidak tersedia;
- Pinda Akta Rahsia Rasmi dengan:
    - Pinda seksyen 8(1) untuk menjadikannya suatu kesalahan bagi mendedahkan kategori dokumen yang telah ditakrifkan dengan jelas, mengkehendaki bukti dari pihak kerajaan untuk menunjukkan bahawa pendedahan itu menimbulkan ancaman yang benar dan dikenalpasti kemungkinannya boleh menyebabkan keburukan kepada keselamatan negara, dan untuk membolehkan perlindungan kepentingan awam;

- Mansuhkan seksyen 8(2) untuk menghapuskan hukuman jenayah bagi penerimaan atau pendedahan maklumat oleh orang yang bukan merupakan kakitangan kerajaan;
- Pinda seksyen 3 untuk menghukum hanya perbuatan yang boleh dibuktikan pihak kerajaan sebagai benar-benar menimbulkan ancaman kepada keselamatan negara.
- Pinda seksyen 16 untuk menghapuskan menjadikan “watak terkenal” sebagai suatu asas pembayang niat defendan selaku bersifat memprejudiskan keselamatan atau kepentingan Malaysia.
- Mansuhkan seksyen 203A kanun keseksaan yang mewujudkan suatu kesalahan bagi pendedahan sebarang maklumat kerajaan tanpa mengambilkira samada maklumat itu adalah rahsia atau samada pendedahan maklumat tersebut benar-benar menimbulkan ancaman kepada keselamatan negara atau ketenteraman awam.
- Gubal perundangan persekutuan untuk Kebebasan Maklumat di mana maklumat kerajaan dianggap tertakluk kepada pendedahan melainkan terdapatnya sebab-sebab yang mendesak dan konsisten dengan undang-undang hak asasi manusia bagi menahannya dari didedahkan kepada pengetahuan awam;
  - Hak untuk mendapatkan maklumat patut diterjemahkan dan digunakan secara meluas, dan beban untuk menunjukkan kesahihan sebarang sekatan terhadap pendedahan jatuh ke atas pihak berkuasa yang hendak menyekat maklumat itu;
  - Perundangan patut hanya menyekat pendedahan bagi maklumat yang ditakrifkan dengan secara terhad dan terperinci, seperti pelan-pelan pertahanan, pembangunan senjata, dan operasi serta sumber perkhidmatan perisikan; dan

- Semua badan pengawasan, ombudsmen, dan rayuan, termasuk mahkamah dan tribunal, patut mempunyai akses kepada semua maklumat, termasuk maklumat keselamatan Negara, tanpa mengira tahap klasifikasinya, yang relevan bagi membolehkan mereka menjalankan tanggungjawab masing-masing.
  - Mansuhkan seksyen 114A Akta Keterangan yang mengenakan liabiliti terhadap pihak perantara untuk bahan online yang dipaparkan oleh orang lain;
  - Mansuhkan seksyen 503 kanun keseksaan untuk menghapuskan kesalahan intimidasi jenayah. Hukuman jenayah patut dihadkan kepada yang berkenaan prosiding kehakiman, yang sudahpun tertakluk kepada pendakwaan di bawah Akta Melarikan dan Mengugut Saksi Secara Jenayah 1947;
  - Mansuhkan seksyen 298 dan 509 kanun keseksaan untuk menghapuskan hukuman jenayah untuk membuat ucapan yang “menyakitkan hati”;
  - Pinda seksyen 124G kanun keseksaan untuk menghapuskan perbuatan memaparkan atau mengedarkan plakad atau lain-lain bahan yang diputuskan oleh pegawai kerajaan sebagai “mungkin mencetuskan gangguan keamanan” dari menjadi suatu kesalahan; dan
  - Mansuhkan atau pinda secara radikal seksyen 124I kanun keseksaan bagi menghadkan pergunaan undang-undang tersebut kepada kes-kes di mana pihak kerajaan dapat membuktikan bahawa suatu penerbit berita “palsu” telah bertindak dengan pengetahuan bahawa berita tersebut adalah palsu dan bahawa penerbitannya boleh menyebabkan kerosakan kepada seorang individu, dan bahawa penerbitannya memang telah menyebabkan kerosakan tersebut.
- Menandatangani dan, dalam setahun, meratifikasikan Konvensyen Antarabangsa bagi Hak-Hak Sivil dan Politik , Konvensyen Antarabangsa bagi Penghapusan kesemua Jenis Diskriminasi Bangsa, dan Konvensyen Antarabangsa bagi Perlindungan dan Pengalakan

Hak-Hak Semua Pekerja Asing dan Ahli Keluarga Mereka – yang mana semua mengandungi perlindungan terhadap kebebasan bersuara.

Kepada Menteri Dalam Negeri:

- Tubuhkan dasar yang jelas untuk menghadkan penggunaan seksyen 143 kanun keseksaan kepada peserta perhimpunan yang terlibat dalam kelakuan ganas. Penglibatan dalam perhimpunan aman tidak patut dianggap sebagai suatu pelanggaran peruntukan seksyen 143;
  - Arahkan Ketua Polis Negara untuk memaklumkan semua jabatan polis mengenai butir-butir spesifik dasar ini;
- Tubuhkan dasar yang jelas bagi menghadkan penggunaan seksyen-seksyen 124B dan 124C kanun keseksaan kepada perbuatan yang “dirancang untuk menggulingkan atau melemahkan demokrasi berparlimen dengan menggunakan *cara-cara yang ganas atau tidak berperlembagaan* (penekanan diberikan) sebagaimana yang termaktub di seksyen 130A kanun keseksaan. Penglibatan dalam perhimpunan aman, termasuk perhimpunan yang menuntut perletakan jawatan pegawai kerajaan, tidak patut digunakan sebagai asas penangkapan mahupun pendakwaan di bawah peruntukan-peruntukan ini;
  - Arahkan Ketua Polis Negara untuk memaklumkan semua jabatan polis mengenai butir-butir spesifik dasar ini;
- Sementara menunggu pemansuhan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan, tubuhkan peraturan-peraturan yang memastikan undang-undang tidak digunakan untuk menyalahgunakan hak. Secara spesifiknya, peraturan-peraturan sementara patut:
  - Menyediakan kriteria yang jelas dan tidak berdiskriminasi untuk pemberian lesen penerbitan serta lesen operasi mesin cetak, dengan menjelaskan bahawa lesen tersebut tidak boleh dinafikan melainkan pihak kerajaan boleh menunjukkan bahawa penafiannya teramat perlu bagi melindungi keselamatan Negara,



ketenteraman awam, hak-hak dan reputasi orang lain atau moral awam;

- Menjelaskan bahawa penerbitan berita yang kontroversial bukannya suatu asas yang mencukupi untuk keputusan menafikan lesen kepada penerbitan tersebut;
  - Perjelaskan bahawa peruntukan pengharaman dalam seksyen 7 hanya boleh digunakan dalam keadaan yang amat terhad di mana sesuatu penerbitan menimbulkan risiko yang benar dan besar kepada keselamatan Negara dan ketenteraman awam, dan bahawa bahagian bahan yang menyinggung itu patut, di mana boleh, dibuang untuk mengelakan pengharaman keseluruhan penerbitan. Perjelaskan bahawa suatu perbincangan berkenaan perkara kepentingan awam, walaupun kontroversial atau memalukan pihak kerajaan, bukan merupakan asas yang mencukupi untuk suatu perintah pengharaman dikeluarkan di bawah seksyen 7; dan
  - Dengan serta merta memberikan lesen penerbitan kepada Edge Communications untuk penerbitan edisi cetak *FZ Daily* dan kepada Mini Dotcom untuk edisi cetak *Malaysiakini*, dan menarik balik semua sekatan penerbitan dan pengharaman ke atas buku-buku kartunis Zunar.

Kepada Jabatan Peguam Negara:

- Gugurkan semua siasatan dan pertuduhan di bawah Akta Hasutan;
- Pohon kepada mahkamah untuk mengenepikan pensabitan hasutan terhadap Adam Adli, Safwan Anang dan Hishamuddin Rais, berhubung ucapan mereka pada 13 Mei 2013, membantah keputusan pilihanraya 2013. Gugurkan pendakwaan hasutan terhadap Tian Chua dan Tamrin Ghafar berhubung ucapan mereka di perhimpunan yang sama;
- Gugurkan semua pendakwaan dan penyiasatan terhadap ucapan yang menghina dan wujudkan suatu dasar yang jelas yang memperuntukan bahawa menghina seseorang langsung tidak patut dianggap suatu kesalahan jenayah;

- Gugurkan semua pendakwaan dan penyiasatan terhadap mereka yang telah mengambil bahagian dalam atau mengaturkan protes-protes aman;
- Hentikan salahguna seksyen 124B dan 124C kanun keseksaan untuk menangkap dan mendakwa pengulas-pengulas dan pembantah aman yang menggunakan hak kebebasan bersuara mereka untuk menuntut jawapan dari Perdana Menteri Najib Razak dan kerajaannya mengenai rasuah yang didakwa melibatkan harta dana kedaulatan negara 1 Malaysia Development Berhad;
- Gugurkan semua pendakwaan yang difailkan di bawah Akta Penapisan Filem terhadap pegawai Pusat Komas Lena Hendry berhubung pertunjukan filem tidak umum “No Fire Zone: The Killing Fields of Sri Lanka” pada 3 Julai 2013;
- Gugurkan rayuan kerajaan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi yang mengenepikan penggantungan tidak munasabah *The Edge Weekly* dan *FZ Daily* berhubung laporan mereka terhadap tuduhan rasuah 1 Malaysia Development Berhad; dan
- Arahkan semua pejabat pendakwa bahawa penahanan tertuduh patut hanya diminta sekiranya terdapatnya keterangan kukuh dan jelas besar kemungkinannya seorang individu akan melarikan diri, memusnahkan keterangan atau mengganggu siasatan.

Kepada Ketua Polis Negara:

- Hentikan pengeluaran arahan melalui media sosial kepada polis untuk memulakan siasatan berdasarkan tweet, paparan Facebook, dan lain-lain kandungan media sosial. Ingatkan semua jabatan polis bahawa kritikan terhadap kerajaan dan pegawai awam, termasuk pihak polis, adalah perkara biasa dan bukan suatu jenayah dalam suatu masyarakat demokratik;
- Arahkan semua jabatan polis bahawa perhimpunan aman tidak patut dianggap “aktiviti yang memudaratkan demokrasi berparlimen” dan seksyen-seksyen 124B dan 124C kanun keseksaan tidak patut digunakan sebagai asas untuk menangkap pembantah aman atau

mereka yang mengatur perhimpunan aman, atau untuk mengarahkan mereka hadir bagi tujuan soalsiasat;

- Arahkan semua jabatan polis bahawa adalah menjadi tanggungjawab mereka untuk memudahkan perhimpunan, bukannya menghalangnya. Orang-orang dan kumpulan-kumpulan yang mengatur perhimpunan atau bantahan patut dibenarkan mengadakan acara mereka dalam penglihatan dan pendengaran penonton yang ditujukan, dan pihak polis patut mengambil langkah-langkah perlu untuk melindungi keselamatan semua peserta;
- Arahkan semua jabatan polis untuk mengelakkan tangkapan pada waktu malam atau lewat petang bagi mereka yang hendak dituduh dengan pertuduhan jenayah melainkan ia diperlukan untuk mengelakan mereka melarikan diri atau menghapuskan keterangan;
- Arahkan semua jabatan polis bahawa, melainkan terdapatnya alasan-alasan yang jelas dan mendesak bagi menunjukkan kemungkinan seorang individu tidak akan mematuhi saman polis yang menjurus kepada suatu siasatan, individu tersebut patut dibenarkan hadir secara sukarela untuk memberi kenyataan beliau; dan
- Arahkan semua jabatan polis bahawa tiada dalam mana-mana keadaan pun tangkapan dan tahanan reman digunakan sebagai suatu bentuk penahanan pencegahan.

Kepada Suruhanjaya Multimedia dan Komunikasi Malaysia:

- Berhenti menggunakan Akta Komunikasi dan Multimedia untuk menyekat perbincangan awam mengenai isu kepentingan awam, termasuk tuduhan rasuah atau salahlaku oleh pihak bertanggungjawab dalam 1 Malaysia Development Berhad (1MDB). Pertikaian mengenai keperincian maklumat yang dipaparkan online patut dibincangkan di khalayak umum dan bukannya melalui sekatan kepada maklumat tersebut;

- Hentikan halangan terhadap laman web *Sarawak Report* dan gugurkan sebarang siasatan jenayah ke atas laman web tersebut, pasukan penerbitnya, dan mereka yang menyediakan kandungan laman tersebut; dan
- Sementara menunggu pindaan Akta Komunikasi dan Multimedia oleh pihak kerajaan, berikan panduan jelas kepada pegawai-pegawai siasatan bahawa penggunaan seksyen-seksyen 211(1) dan 233(1) patut dihadkan dengan ketat kepada ucapan yang mencetuskan risiko benar dan besar kepada keselamatan Negara atau ketenteraman awam. Pegawai suruhanjaya perlu diberitahu secara spesifik bahawa ucapan yang menyakitkan hati atau menjengkelkan tidak patut dikenakan dengan pendakwaan, dan bahawa ucapan kebencian patut hanya dihadkan kepada keadaan di mana ia bersifat menghasut secara langsung dengan niat mencetuskan keganasan, diskriminasi atau kebencian terhadap seorang individu atau suatu kumpulan orang yang jelas didefinisikan dalam keadaan di mana keganasan, diskriminasi dan kebencian itu akan pasti berlaku dan lain-lain langkah mengelakkannya tidak tersedia.

Kepada Menteri Luar Negara:

- Gunakan kedudukan Malaysia sebagai ahli tidak-kekal dalam Majlis Keselamatan PBB 2015-2016 untuk menggalakkan perasaan hormat kepada kebebasan bersuara dan kebebasan berhimpun dikalangan negara-negara ahli;
- Hulurkan jemputan terbuka kepada semua Prosedur Khas PBB, di mana membolehkan rapporteurs khas melawat Malaysia tanpa perlu terlebih dahulu mendapatkan jemputan;
- Utamakan lawatan oleh David Kaye, Rapporteur Khas bagi Penggalakan dan Perlindungan Hak Kebebasan Berpendapat dan Bersuara serta Maina Kiai, Rapporteur Khas bagi Hak-Hak Kebebasan Berhimpun Secara Aman dan Berpesatuan;
- Melaksanakan syor-syor bagi kebebasan bersuara, kebebasan berhimpun dan lain-lain hak-hak sivil dan politik yang dikemukakan oleh lain-lain negara ahli PBB kepada Malaysia

semasa sesi kedua Semakan Berkala Sejagat di Majlis Hak Asasi Manusia PBB pada Oktober 2013; dan

- Lantik seorang pakar hak asasi manusia yang benar-benar bebas dan tidak berpihak sebagai Pesuruhjaya Malaysia seterusnya ke Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Antara-Kerajaan ASEAN (AICHR) dan jemput AICHR untuk melawat Malaysia untuk meneliti isu-isu kebebasan bersuara dan lain-lain hak-hak sivil dan politik, dibuat dengan rundingan bersama masyarakat sivil Malaysian.

Kepada SUHAKAM (Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia)

- Syorkan kepada kerajaan Malaysian untuk terus meratifikasi Konvensyen Antarabangsa untuk Hak-Hak Sivil dan Politik, dan lain-lain konvensyen hak-hak PBB yang berurusan dengan hak-hak sivil dan politik utama, seperti kebebasan bersuara;
- Mulakan suatu siasatan terhadap penggunaan undang-undang jenayah untuk mengganggu dan menangkap ahli-ahli pembangkang, aktivis masyarakat sivil, dan rakyat biasa kerana menyatakan pendapat mereka secara aman atau melaksanakan hak mereka secara aman bagi kebebasan berhimpun, sebagaimana yang diperincikan dalam laporan ini;
- Sediakan memo dan nasihat dasar kepada kerajaan berhubung langkah-langkah penting yang perlu diambil di bawah undang-undang dan polisi untuk menangani isu-isu yang ditimbulkan dalam laporan ini dan menggesa Malaysia untuk memastikan ia mematuhi piawaian antarabangsa untuk perlindungan kebebasan bersuara dan kebebasan berhimpun;
- Keluarkan kenyataan awam yang lantang dalam kes-kes di mana individu-individu telah diganggu, disoalsiasat, atau ditangkap kerana melaksanakan kebebasan hak bersuara dan berhimpun;
- Desak dan mara bersama Ahli-Ahli Parlimen kerajaan dan pembangkang untuk menggesa syor-syor SUHAKAM terhadap kebebasan bersuara dan kebebasan berhimpun dikaji

semula dan dipertimbangkan sepenuhnya oleh Parlimen; dan

- Berunding secara sistematik dengan NGOs, kesatuan sekerja, dan organisasi masyarakat sivil untuk menyiasat dan membongkar perbuatan penyalahgunaan kebebasan bersuara dan kebebasan berhimpun, dan menuntut keadilan bagi mangsa-mangsa penyalahgunaan ini.

Kepada Pasukan Kumpulan PBB dan Penyelaras Bermastautin PBB:

- Berunding dengan kerajaan Malaysia pada semua tahap, tetapi paling penting dengan perdana menteri, Menteri Dalam Negeri, dan Menteri Luar Negara, untuk menuntut agar Malaysia mematuhi piawaian hak-hak asasi manusia antarabangsa bagi kebebasan bersuara dan kebebasan berhimpun;
- Menggesa kerajaan untuk menghulurkan jemputan terbuka kepada semua Prosedur Khas PBB, di mana membolehkan lawatan kerap oleh rapporteur-rapporteur khas;
- Menggesa rundingan dan lawatan tahap tinggi oleh Pejabat Tinggi Pesuruhjaya Hak-Hak Asasi Manusia bersama kerajaan Malaysian berhubung keperluan menghormati kebebasan bersuara dan kebebasan berhimpun, dan untuk menawarkan bantuan teknikal (sebagaimana perlu) dan untuk menghentikan sekatan perundangan dan dasar dalam perundangan Malaysian berhubung hak-hak tersebut;
- Kerap berunding dengan SUHAKAM dan menggesa kerajaan Malaysia untuk berunding rapat dengan suruhanjaya dan dengan serius mempertimbangkan nasihat berkenaan polisi dan syor-syor yang berkaitan dengan perlindungan kebebasan bersuara di Malaysia; dan
- Sokong organisasi-organisasi masyarakat sivil dalam tuntutan mereka untuk penambahbaikan yang dapat membantu memberi penghormatan lebih besar kepada kebebasan bersuara dan kebebasan berhimpun di Malaysia, dan untuk memberi tekanan kepada kerajaan Malaysian untuk menghentikan semua tindakan keras yang bermotivasikan politik ke atas tokoh-tokoh politik pembangkang dan aktivis-aktivis

masyarakat sivil.

Kepada negara-negara Amerika Syarikat, Jepun, Ahli Kesatuan Europah, Australia, Canada, New Zealand, India, dan Republik Korea:

- Apabila melawat Malaysia pada 18-22 November untuk Kemuncak ASEAN ke-27, Presiden Amerika Syarikat, Barack Obama dan ketua-ketua lain-lain kerajaan rakan-berdialog patut membangkitkan kebimbangan mereka kepada umum mengenai penyalahgunaan terhadap kebebasan bersuara dan berhimpun di Malaysia, dan meminta Perdana Menteri Najib untuk memberi komitmen terhadap suatu pelan perubahan perundangan dan dasar bagi menghentikan menjenayahkan hak-hak tersebut;
- Membangkitkan kebimbangan dengan kerajaan Malaysia secara kerap dan umum mengenai penahanan aktivis-aktivis, ahli-ahli politik pembangkang, dan rakyat biasa yang melaksanakan hak mereka untuk bebas bersuara dan berhimpun, dan untuk menuntut agar pertuduhan-pertuduhan terhadap mereka digugurkan dan mereka yang ditahan atau dipenjarakan disebabkan perbuatan tersebut dibebaskan dengan serta merta;
- Arahkan duta-duta yang berpangkalan di Kuala Lumpur untuk menghantar pemantau diplomatik secara kerap dan berterusan ke acara-acara di mana pihak berkuasa mengancam untuk melakukan pelanggaran terhadap kebebasan bersuara atau berhimpun, dan membuat laporan umum terhadap apa yang mereka perhatikan di acara tersebut, termasuk membuat syor-syor kepada pegawai-pegawai kerajaan dan pihak polis bagi menghentikan pelanggaran ini; dan
- Galakkan lawatan oleh ahli-ahli parlimen, senator-senator, dan ahli-ahli kongres anda ke Malaysia untuk mengenengahkan kebimbangan hak-hak asasi manusia, berunding dengan kumpulan-kumpulan dan pemimpin-pemimpin masyarakat sivil, dan menyuarakan kebimbangan secara umum mengenai penjenayahan berterusan terhadap kebebasan bersuara.